

Pelajar UMS raih Anugerah Pelajar Perakaunan Terbaik

UB 20.06.2022 P.08

Terima pengiktirafan daripada Institut Akauntan Malaysia

KOTAKINABALU: Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencipta kejayaan di peringkat kebangsaan dengan menerima pengiktirafan daripada Institut Akauntan Malaysia (MIA) menerusi Anugerah Pelajar Perakaunan Terbaik 2021.

Pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perniagaan (FPEP) UMS Yishal Thillinadan menerima anugerah berkenaan sempena 'MIA International Accountants Conference' (MIAC) 2022 yang dianjurkan secara

atas talian, baru-baru ini.

Ketika dihubungi, beliau meluahkan rasa teruja dan bersyukur atas anugerah yang diterimanya.

"Menerima anugerah ini adalah detik paling membanggakan dalam perjalanan pengajian di UMS. Saya berasa sangat bertuah menerima penghormatan ini.

"Saya juga percaya anugerah ini akan dapat memberi lebih banyak ruang dan peluang untuk saya di alam pekerjaan kelak," katanya.

Beliau turut berbangga kerana dapat membawa nama

UMS dalam dunia perakaunan di Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Yishal yang berasal dari negeri Selangor kini sedang menjalani latihan praktikal di KPMG Petaling Jaya, sebuah firma audit antarabangsa.

"Saya berharap lebih ramai pelajar akan cuba mempraktikkan keseimbangan dalam bidang akademik serta penglibatan kokurikulum.

"Pencapaian akademik semata-mata tidak akan membawa kita pergi lebih jauh, apa yang lebih penting adalah kebolehan berkomu-

nikasi yang mampu ditimba daripada penglibatan dalam kokurikulum dan kesukarelawan," jelasnya.

Selain itu, UMS dalam kenyataan menjelaskan anugerah itu diberikan kepada pelajar terbaik bagi universiti tempatan yang diiktiraf di bawah Akta Akauntan 1967, sekali gus mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan.

Anugerah berkenaan menitikberatkan kecemerlangan akademik dan kokurikulum pelajar sepanjang pengajian di universiti tempatan.